

Ekonomi Malaysia catat pertumbuhan 4.7 peratus pada 2013
Astro Awani
12 February, 2014

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.7 peratus untuk setahun penuh 2013.

Pertumbuhan berkenaan disokong permintaan dalaman dan eksport yang semakin pulih.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Bank Negara, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.1 peratus pada suku keempat.

Bank Negara dalam masa yang sama menyatakan kadar inflasi meningkat kepada tiga peratus untuk suku keempat.

Sementara itu, kadar penggunaan swasta tumbuh tinggi 7.3 peratus pada suku ke empat meskipun pada kadar sederhana pantas dan penggunaan sektor awam pula berkembang 5.1 peratus.

Bank Negara menjangka pemulihan ekonomi global akan sederhana dan memberikan kesan positif kepada dagangan antarabangsa.

Eksport negara pula tumbuh 2.4 peratus kepada RM719.81 bilion untuk tahun penuh 2013 dengan eksport Disember 2013 mencatatkan pertumbuhan 14.4 peratus.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source <http://www.astroawani.com/news/show/ekonomi-malaysia-catat-pertumbuhan-4-7-peratus-pada-2013-29995?cp>